

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**INSIDEN JETI ROBOH DI KAMPUNG PABABAG  
SEMPORNA, SABAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin merujuk kepada insiden jeti roboh di Kampung Pababag, Semporna, Sabah yang melibatkan lebih kurang 25 orang murid sekolah termasuk murid tabika KEMAS dan dua (2) orang guru Sekolah Kebangsaan Pulau Pababag pada pukul 6.45 pagi.

Sebagai makluman, laporan awal yang diperolehi dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Semporna mendapati insiden tersebut berlaku semasa murid sedang menaiki jeti di kampung untuk ke sekolah. Akibat daripada runtuhannya tersebut, dua (2) orang murid cedera ringan manakala mangsa lain dilaporkan selamat.

KPM melalui PPD Semporna juga telah mengambil langkah dengan menyiasat punca kejadian dan menyediakan bantuan segera kepada semua mangsa yang terlibat.

KPM memandang serius terhadap insiden tersebut dan akan memastikan aspek keselamatan ditingkatkan dengan mewajibkan pemakaian jaket keselamatan dan keadaan struktur jeti yang selamat digunakan.

KPM juga akan mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh serta pihak berkuasa tempatan dalam waktu terdekat untuk membincangkan cadangan penambahbaikan infrastruktur di jeti sedia ada bagi memastikan agar kejadian seperti ini tidak berulang. Usaha untuk memberikan bantuan sokongan psikososial terhadap guru dan murid yang menjadi mangsa akan terus digiatkan. KPM juga akan memohon pihak kerajaan tempatan untuk menyediakan laluan alternatif yang lebih selamat untuk murid, ibu bapa dan guru ke sekolah.

KPM sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan kebajikan murid menjadi keutamaan.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
30 JANUARI 2023**